

28 SEP 2000

Ong-Pokok

MALAYSIA AKAN CATAT REKOD DUNIA TANAM 100,000 POKOK DALAM SEMINIT

KEPALA BATAS, 28 Sept (Bernama) -- Malaysia akan mencatatkan rekod dunia menanam 100,000 pokok dalam tempoh hanya seminit pada 15 Okt ini dengan diketuai Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan Datuk Seri Ong Ka Ting berkata Dr Mahathir akan mengetuai penanaman di peringkat kebangsaan dan Menteri-menteri Besar dan Ketua-ketua Menteri di peringkat negeri serta Yang Dipertua Majlis Perbandaran dan Daerah di peringkat kerajaan tempatan.

Dr Mahathir akan mengetuai acara itu di Bukit Jalil, Kuala Lumpur yang akan disiarkan secara langsung antara jam 9 pagi dan 10 pagi, melalui Radio Televisyen Malaysia (RTM), katanya pada sidang media di sini, hari ini.

Ong sebelum itu menyampaikan cek sumbangan bantu kadar berjumlah RM4,065,121.15 kepada Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP) dan Majlis Perbandaran Pulau Pinang (MPPP) bagi tahun 2000 di sini.

Beliau berkata, satu isyarat akan diberikan melalui siaran langsung itu untuk membolehkan semua yang mengambil bahagian menanam pokok tersebut melakukannya serentak dalam tempoh seminit yang sama.

Ong berkata, pokok-pokok yang akan ditanam akan ditentukan oleh Jabatan Lanskap Negara yang akan menjadi agensi koordinasi usaha itu.

Sehingga kini, rekod menanam pokok terbanyak yang dicatatkan ialah penanaman 10,000 pokok di Sabah, katanya.

Menurutnya, catatan rekod yang akan memasuki buku "Guinness Book of World Record" itu merupakan sebahagian usaha untuk menanam tiga juta pokok menjelang akhir tahun ini dan 20 juta pokok menjelang 2020, yang kini sudah berhasil menanam lebih dua juta pokok.

Mengenai pusat hiburan dan video haram, Ong berkata, Jemaah Menteri telah menegur pihak-pihak berkuasa dan agensi-agensi penguatkuasa di seluruh negara yang tidak bertindak terhadap pusat-pusat itu.

"Semua orang nampak, semua orang tahu, anak-anak kecil juga tahu pusat-pusat berkenaan haram... mengapa tidak ditutup?," katanya, yang mahu semua agensi penguatkuasa membanteras pusat-pusat haram berkenaan dan meminta bantuan pihak berkuasa lain seperti polis, jika ada masalah, katanya.

Sementara itu, Ong berkata, Jemaah Menteri juga bersetuju meminta Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Sosial membuat kajian mengenai impak pusat-pusat video kepada masyarakat.

Dengan itu, pihak-pihak berkepentingan yang ingin menyuarakan pandangan masing-masing boleh menulis surat untuk memberi pandangan kepada kementerian berkenaan, katanya.

Beliau meminta Pihak Berkuasa Tempatan supaya tidak teragak-agak menarik balik lesen pusat-pusat hiburan yang beroperasi lebih daripada tempoh waktu yang dibenarkan.

-- BERNAMA

AHM MNY ZB